



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM.600-31/2/12 JLD 11 (21)

Tarikh : 15 Jun 2020

SEMUA INDUSTRI MAKANAN DAN MINUMAN YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PERMOHONAN PENGESAHAN PENGGUNAAN LOGO PILIHAN LEBIH SIHAT (*HEALTHIER CHOICE LOGO*, HCL) MALAYSIA MENGGUNAKAN SISTEM ATAS TALIAN

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, inisiatif Logo Pilihan Lebih Sihat (*Healthier Choice Logo*, HCL) Malaysia telah dilaksanakan semenjak tahun 2017. Sepanjang tempoh tersebut, permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL perlu dikemukakan kepada pihak Sekretariat HCL secara manual.

3. Bagi memastikan kelancaran proses permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL, Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membangunkan sistem atas talian dan sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penggunaan Logo HCL melalui sistem atas talian HCL di pautan <http://myhcl.moh.gov.my> boleh digunakan bermula daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Selain itu, manual pengguna turut disediakan dalam portal tersebut sebagai panduan dalam permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL secara atas talian.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga, bagi produk-produk yang telah mendapat pengesahan penggunaan Logo HCL, pihak industri perlu mendaftarkan produk berkenaan di dalam sistem atas talian HCL ini untuk memperolehi sijil elektronik yang mempunyai tarikh sah pengesahan. Sekiranya gagal membuat sedemikian, produk tersebut tidak akan tersenarai sebagai produk yang mendapat pengesahan penggunaan Logo HCL.

5. Sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila berhubung dengan pegawai saya, Puan Fatimah Sulong di talian 03-8892 4405; emel ke fatimahsulong@moh.gov.my atau Encik Leong Han Yin di talian 03-8892 4474; emel ke l.hanyin@moh.gov.my.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZALMA ABDUL RAZAK
Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k - Encik Zaky Moh
Ketua Pegawai Pembangunan Kluster
Bahagian Pembangunan Kluster
SME Corporation Malaysia (SME Corp)
- Encik Wong Choon Seng
Chairman, Scientific & Technical Committee
FMM MAFMAG
- Puan Nor Aini Abdullah
Executive
Federation of Malaysia Manufacturers

Sukacita
mendapat
kerjasama untuk
memanjangkan
perkara ini kepada
pihak berkenaan
di bawah agensi
tuan/ puan